



**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
KALI KE-14 (BIL. 2/2016)**

**Tarikh** : 2 Jun 2016

**Masa** : 2.30 petang

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks Siswa, UMT

**Senarai Kehadiran** : Lampiran Kehadiran.

MINIT	PERKARA // PENJELASAN	TINDAKAN
1/2/2016	<b>ALUAN Y.BHG Pengerusi</b>	
	<p>Y.Bhg Pengerusi dalam aluannya;</p> <p>a) Memulakan mesyuarat dengan surah Al-fatihah dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.</p> <p>b) Memohon supaya semua pihak memberi perhatian dalam isu KKP di tempat kerja demi menjaga kebajikan staf, pelajar dan penghuni lain. Mesyuarat merakamkan ucapan takziah di atas kejadian mati lemas dua orang pelajar UMT.</p> <p>c) Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa urusetia jawatankuasa ini turut disertai oleh En. Mohd Kamri Mamat (Pegawai Sains Kanan, PPKK) dan Pn. Nor Ziana Husin (Penolong Pegawai Sains, MB).</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
2/2/2016	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT LALU</b>	
	<p>Minit mesyuarat Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMT Kali Ke-13, Bil. 1/2016 telah disahkan dengan pindaan berikut;</p> <p>i) Lampiran kehadiran: Pengerusi JKPP PPSPA adalah hadir.</p> <p>ii) Lampiran kehadiran : Perkataan Pusat Kesihatan Pelajar dipinda kepada Pusat Kesihatan Universiti</p> <p>iii) Minit 5.3/1/2016 : b) 16 November 2016 dipinda kepada 16 November 2015</p> <p>iv) Minit 5.3/1/2016 : c) 28 Disember 2016 dipinda kepada 28 Disember 2015</p> <p>v) Minit 5.8/1/2016 : PPDSNZ dipinda kepada PPSNZ</p>	<p>Makluman</p>
3/2/2016	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT MESYUARAT KE-13, 1/2016</b>	
	<p><b>Minit 4.2/1/2016: Tempat Berkumpul Zon PPSMS, Kompleks Makmal dan Kompleks Kuliah</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Bahagian Keselamatan UMT iaitu tempat berkumpul Zon PPSMS di parkir belakang bangunan PPSMS, manakala Zon Kompleks Makmal dan</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	PERKARA / PENJELASAN	TINDAKAN
	<p>Kompleks Kuliah ialah di Dataran HEPA lama. Papan tanda berkumpul dalam proses penyiapan.</p> <p><b>Minit 4.3/1/2016 : Pemeriksaan Berkala Tahap Keselamatan &amp; Kesihatan Tempat Kerja di UMT</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pemeriksaan berkala bagi tahun 2016 akan diadakan dalam waktu terdekat. Pihak urusetia akan membentuk pasukan audit yang baharu dan laksanakan proses audit.</li> <li>b) Audit tahun 2016 akan tertumpu kepada ketidakpatuhan yang lepas dan teguran pihak DOSH.</li> <li>c) Penarafan akan diberikan kepada PTj yang terlibat.</li> </ul> <p><b>Minit 4.4/1/2016: Bengkel Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) UMT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mesyuarat dimaklumkan bahawa bengkel belum dapat dilaksanakan kerana draf manual ERP belum siap sepenuhnya.</li> <li>b) Mesyuarat mencadangkan supaya manual di tempat lain dijadikan panduan. Jawatankuasa Penyediaan Manual ERP akan menyemak secara keseluruhan manual ini terlebih dahulu.</li> </ul> <p><b>Minit 4.5/1/2016: Data Insiden/ Kemalangan/ Penyakit Pekerja di UMT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Data dan laporan insiden/ kemalangan/ penyakit pekerjaan semasa yang berlaku akan dibentangkan secara terperinci dalam mesyuarat ini.</li> <li>b) Mana-mana kes serius yang berlaku, pihak PTj akan membentangkan hasil siasatan untuk dijadikan iktibar oleh pihak lain.</li> </ul>	<p>Urusetia</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Urusetia &amp; En. Kamri</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	PERKARA // PENJELASAN	TINDAKAN
	<p><b>Minit 4.6/1/2016: Lawatan/Pemeriksaan JKPP Terengganu – Isu <i>Permit To Work</i></b></p> <p>a) PPH telah mewujudkan Borang Kebenaran Kerja Pembinaan, tetapi borang tersebut tidak menepati keperluan sebenar <i>Permit To Work</i> untuk kontraktor dalam kampus UMT. En Kamri dimohon bekerjasama dengan pihak PPH (En. Masri Muda) dalam penyediaan borang tersebut.</p> <p>b) Pihak JKPP Terengganu akan mengadakan pemeriksaan ulangan pada tahun ini.</p> <p><b>Minit 5.1/1/2016 : Laboratory Consumable Donation System</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa paparan ini telah dibangunkan di bawah website Makmal Berpusat. Buat masa sekarang, website Makmal Berpusat telah digodam dan usaha memulihkannya sedang giat dilakukan. Admin PTj telah dilantik.</p> <p><b>Minit 5.3/1/2016 : Laporan JKPP PPSMS – frekuensi pelupusan sisa kimia</b></p> <p>Pihak PPH dan urusetia bersetuju melaksanakan proses pelupusan sisa kimia sebanyak 2 kali setahun untuk mengatasi masalah kekurangan ruang menyimpan sisa kimia di UMT. Pelupusan fasa 1 akan di adakan pada Jun dan fasa 2 pada November.</p>	<p>En. Kamri &amp; En. Masri</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
4/2/2016	<b>ISU KKP DI UMT</b>	
4.1/2/2016	<p><b>Keselamatan Aktiviti di Air dan Hutan</b></p> <p>a) Mesyuarat mencadangkan supaya diwujudkan pasukan Task Force untuk SOP keselamatan aktiviti di air dan di hutan. SOP hendaklah dihasilkan dalam bentuk manual. En Baharim diharap dapat membantu pasukan ini.</p> <p>b) Aktiviti di air meliputi keselamatan program Survivor Laut, sukan berkayak, persampelan dll.</p>	<p>Urusetia &amp; En Baharim</p>

MINIT	PERKARA / PENJELASAN	TINDAKAN
4.2/2/2016	<p>c) Mewujudkan mekanisme memohon kebenaran dan pemakluman kepada pihak tertentu sebelum pelajar dan warga UMT melakukan aktiviti di air atau hutan.</p> <p><b>Menamakan Wakil tetap Ke Mesyuarat JKPP Induk</b></p> <p>a) PTJ menamakan wakil tetap yang akan hadir ke mesyuarat ini. Semasa mesyuarat wakil tetap wajib hadir. Kehadiran Pengerusi KKP PTj bersama wakil tetap sangat dialu-alukan. Surat memohon nama wakil tetap perlu disediakan.</p> <p>b) Peranan wakil tetap adalah melaporkan aktiviti KKP yang dilaksanakan di PTj mereka dan menyampaikan segala isu yg dibincangkan di dalam JkKKP induk kepada Jk KKP PTj.</p>	<p>Urusetia</p> <p>Makluman</p>
4.3/2/2016	<p><b>Alatan Lindung Diri (ALD) Untuk Pelajar</b></p> <p>a) Pelajar diwajibkan menyediakan sendiri Cermin Mata Keselamatan (goggle) sebelum menjalankan amali dan kerja penyelidikan yang melibatkan bahan kimia.</p> <p>b) Pihak makmal perlu menjalankan penguatkuasaan dan tindakan tegas kepada pelajar yang tidak mematuhi pemakaian alatan lindung diri. Sesi taklimat berkaitan ALD dan cara penggunaan wajib diberikan kepada semua pelajar.</p>	<p>Makluman</p> <p>Semua PTj yang mempunyai makmal</p>
4.4/2/2016	<p><b>Program Kesedaran Keselamatan Untuk Warga UMT</b></p> <p>a) Mesyuarat bersetuju supaya satu kempen keselamatan jalanraya diadakan kepada pelajar UMT. Ini kerana terdapat tren peningkatan kemalangan jalan raya di kampus.</p> <p>b) Pihak makmal diwajibkan mengadakan kempen program keselamatan di makmal kepada pelajar secara berkala dan pelajar wajib menghadiri sesi taklimat keselamatan makmal di awal semester.</p>	<p>Unit Keselamatan UMT</p> <p>JKKP INOS, Akuatrop, IMB, PPSA, PPSMS, PPSPA, PPSTM, PPKK</p>

MINIT	PERKARA // PENJELASAN	TINDAKAN
5/2/2016	<b>KEMALANGAN/ INSIDEN BERBAHAYA/ PENYAKIT PEKERJAAN</b>	
	<p>a) Statistik Kemalangan / Insiden Berbahaya / Penyakit pekerjaan bagi tempoh Februari – April 2016 di UMT secara menyeluruh adalah sepertimana <b>Lampiran 1</b></p> <p>b) Laporan Siasatan Dalaman bagi kemalangan yang menyebabkan kecederaan fizikal adalah sepertimana <b>Lampiran 2</b>. PTj berkaitan telah mengambil tindakan pencegahan yang sewajarnya.</p> <p>c) Mesyuarat memohon supaya semua PTJ mewujudkan SOP pengendalian benda tajam seperti jarum, pisau dll kerana telah berlaku banyak kemalangan kepada pelajar di makmal.</p> <p>d) Mesyuarat berharap semua kejadian kemalangan yang dibentangkan (rujuk Lampiran 2) dijadikan iktibar atau <i>lesson to learn</i> kepada PTj lain.</p> <p>e) Mesyuarat memandang serius kes kemalangan pelajar terkena kipas di asrama. Pihak pengurusan asrama diharap dapat melakukan langkah pencegahan yang sewajarnya.</p> <p>f) PTJ diwajibkan mengisi borang Pelaporan dan Penyiasatan Kemalangan/Insiden setiap kali ianya berlaku. Latihan berkaitan penyiasatan kemalangan/insiden berbahaya wajar diberikan kepada individu yang bertanggungjawab. Terutamanya dari segi menulis laporan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>JKKP Inos, IMB, Akuatrop, PPSMS, PPSA, PPSPA, PPSTM</p> <p>Makluman</p> <p>HEPA/ Pengurus Asrama</p> <p>Urusetia / Seksyen latihan</p>
6/2/2016	<b>KERTAS PERBINCANGAN DAN PERTIMBANGAN</b>	
	- Tiada kertas perbincangan dan pertimbangan	
7/2/2016	<b>KERTAS LAPORAN/MAKLUMAN</b>	
7.1/2/2016	<b>KERTAS LAPORAN: Pemeriksaan &amp; Pemantauan Kafeteria di UMT 2016 oleh PKU</b>	
	a) Bertujuan memantau secara berkala tahap kebersihan dan keselamatan makanan yang disediakan kepada warga UMT	Makluman

MINIT	PERKARA // PENJELASAN	TINDAKAN
7.2/2/2016	<p>untuk mengurangkan risiko kepada kesihatan seperti keracunan.</p> <p>b) Untuk pemeriksaan bulan Februari semua kafe mendapat Gred A kecuali Café WR Pintar Entp mendapat Gred B. Teguran telah dibuat kepada kaferia tersebut.</p> <p>c) Untuk pemeriksaan bulan Mac semua kafe mendapat Gred A kecuali Café Luqman, D'Teratai dan Mutiara mendapat Gred B. Teguran telah dibuat kepada kaferia tersebut.</p> <p>d) Mesyuarat berpendapat, program ini sangat baik dan mohon diteruskan.</p> <p><b>KERTAS MAKLUMAN: Wabak Keracunan Makanan di UMT oleh PKU</b></p> <p>a) Bertujuan untuk melaporkan wabak keracunan makanan yang berlaku di UMT. Melibatkan program Kem Kaunseling Kelompok 1 pada 21-23 April 2016. 13 orang pelajar mengalami keracunan makanan.</p> <p>b) Mesyuarat mengambil maklum pembekal terlibat iaitu Norharman bin Nordin beralamat di Gong Badak.</p> <p>c) Mesyuarat berharap pihak PTJ memilih pembekal makanan yang berdaftar dengan UMT dan tidak mengamalkan '<i>sub-contract</i>'.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
7.3/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP Canselori</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan :</p> <p>a) Penstrukturan semula JKPP Canselori, di mana Ketua Pentadbiran En. Abdullah Syukri bin M. Saleh dilantik sebagai pengerusi.</p> <p>b) Beberapa aktivi dicadangkan untuk dilaksanakan di peringkat PTj seperti Taklimat OSHA, Ergonomik Tempat Kerja, Pertolongan Cemas.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	PERKARA / PENJELASAN	TINDAKAN
7.4/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP PPSMS</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan :</p> <p>a) Pemeriksaan pihak BOMBA pada 1 Februari 2016 di bangunan PPSMS mendapati masalah berikut;</p> <p>i) Gelong hos paip BOMBA berlipat-lipat – perlu diselenggara oleh PPH.</p> <p>ii) Heat/smoke detector tidak berfungsi - perlu diselenggara oleh PPH.</p> <p>iii) Ada kemungkinan kebocoran pada sistem pam air - perlu diselenggara oleh PPH.</p> <p>b) Mengadakan program 'Gotong Royong Perdana – basmi nyamuk aedes' pada 15 Februari 2016.</p> <p>c) Mengadakan kegiatan berkaitan keselamatan di makmal seperti pengurusan PPE, pemeriksaan asas LEV, penyusunan semula bahan kimia, keselamatan persekitaran makmal.</p>	<p>PPH</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
7.5/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP PPTM</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan:</p> <p>a) Mengadakan program 'Gotong Royong – basmi nyamuk aedes' pada 11 Februari 2016.</p> <p>b) Pemeriksaan berkala alat pemadam api. Ada yang telah luput tarikh, dimohon tindakan PPH. Perlu juga unit tambahan di bilik fail.</p> <p>c) Cadangan mengadakan pelbagai aktiviti seperti latihan tindakan memadam api, ceramah kesedaran kesihatan dan Hari Kesihatan staf.</p>	<p>Makluman</p> <p>PPH</p> <p>Makluman</p>
7.6/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP PPKK</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <p>a) Telah mewujudkan sistem pelabelan sekunder bekas bahan kimia. Dicadangkan supaya label ini digunakan secara seragam kepada makmal UMT.</p>	<p>Urusetia</p>



MINIT	PERKARA / PENJELASAN	TINDAKAN
	<p>b) Telah mewujudkan sistem pelabelan untuk bekas sisa bahan kimia. Dicadangkan supaya label ini digunakan secara seragam kepada makmal UMT.</p> <p>c) Kursus MSDS dilaksanakan pada 13 Mac 2016 dan kursus Daftar Bahan Kimia Berbahaya pada 14 Mac 2016. Kursus disertai oleh staf UMT.</p>	<p>Urusetia</p> <p>Makluman</p>
<p><b>7.7/2/2016</b></p>	<p><b>KERTAS MAKLUMAN : Ancaman Haiwan Di Pejabat Bendahari</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <p>a) Telah berlaku pencerobohan oleh musang dan tikus. Pihak PPH dimohon untuk menutup laluan berkaitan. Kehadiran tikus boleh menyebabkan penyakit kencing tikus atau Leptospirosis.</p> <p>b) Dimaklumkan bahawa carta organisasi JKPP PTJ Bendahari telah berubah.</p>	<p>PPH</p> <p>Makluman</p>
<p><b>7.8/2/2016</b></p>	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP PPSTM</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <p>a) Telah mengadakan bengkel Pendaftaran Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan pada 27-28 Januari 2016 kepada staf makmal.</p> <p>b) Telah mengadakan sesi pemeriksaan alat pemadan api. Ada yang telah luput tarikh selenggara.</p> <p>c) Memaklumkan bahawa, walaupun bumbung bangunan dibaiki tetapi masih ada kebocoran berlaku. Kes ini sedang dipantau oleh PPH.</p>	<p>Makluman</p> <p>PPH</p> <p>Makluman</p>
<p><b>7.9/2/2016</b></p>	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP INOS</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <p>a) Telah memurnikan struktur organisasi JKPP Inos.</p> <p>b) Telah bercadang melaksanakan aktiviti seperti latihan First Aider, bengkel keselamatan makmal dll.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	PERKARA / PENJELASAN	TINDAKAN
7.10/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP Pusat Kesihatan Universiti</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <p>a) Memaklumkan bahawa, sebanyak 15 kes kemalangan dalam kampus mendapat rawatan di PKU.</p>	Makluman
7.11/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP PPPPM</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <p>a) Mengadakan program 'Gotong Royong – basmi nyamuk aedes' pada 11 Februari 2016.</p> <p>b) Menghantar 2 orang pensyarah mengikuti kursus keselamatan &amp; kesihatan pekerjaan di Intan Kemaman.</p>	Makluman Makluman
7.12/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP PPSPA</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <p>a) Mengadakan program 'Gotong Royong – basmi nyamuk aedes' pada 10 Februari 2016.</p> <p>b) Suntikan vaksin kepada pelajar yang terlibat dengan penghasilan produk perikanan.</p>	Makluman Makluman
7.13/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP Makmal Berpusat</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <p>a) Pertumbuhan kulat di dinding makmal kerana ada kelembapan. Telah melaksanakan proses <i>fumigation</i> pada 14 Mei 2016.</p> <p>b) Bercadang untuk mewujudkan manual keselamatan untuk pengguna bot dan kapal.</p> <p>c) Bercadang menyediakan papan amaran di stesen Chagar Hutang.</p>	Makluman Makluman Makmal Berpusat

MINIT	PERKARA // PENJELASAN	TINDAKAN
7.14/2/2016	<p><b>KERTAS LAPORAN : Laporan JKPP PPSA</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Telah memperbaharui autoklaf pada April 2016.</li> <li>b) Pengumpulan sisa kimia dan biologi pada Mei 2016.</li> <li>c) Bengkel HIRARC pada 5-7 April 2016.</li> <li>d) Cadangan program pengungsian bangunan di bangunan PPSA.</li> <li>e) 3 kes kemalangan dilaporkan setakat mesyuarat ini. Semua melibatkan pelajar di makmal. Telah mengisi borang laporan kemalangan.</li> </ul>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
8/1/2016	<b>HAL-HAL LAIN</b>	
8.1/2/2016	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mesyuarat mencadangkan supaya ada penasihat yang pakar dalam bidang ini untuk sama-sama menyumbang idea bagi memantapkan lagi amalan keselamatan di UMT. Urusetia dicadangkan untuk mencari calon yang sesuai.</li> <li>b) Program Perkongsian Ilmu Keselamatan &amp; Kesihatan Pekerjaan akan diadakan pada setiap kali mesyuarat. Ianya bertujuan mempromosikan amalan ini bagi mencegah kemalangan di UMT. Pembentang akan dipilih dari kalangan staf UMT. Jadual akan dikeluarkan untuk tahun 2016.</li> <li>c) Mesyuarat turut mencadangkan supaya kursus asas CPR atau pertolongan cemas dikendalikan oleh staf PKU. Ia bertujuan untuk menjimatkan kos latihan. Untuk kursus kompetensi CPR perlu melalui pihak hospital (HSNZ)</li> </ul>	<p>Urusetia</p> <p>Urusetia</p> <p>PKU</p>

MINIT	PERKARA // PENJELASAN	TINDAKAN
9/2/2016	<b>PENANGGUHAN MESYUARAT</b>	
	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.15 petang dengan bacaan surah Al-Asr dan Tasbih Kaffarah.	Makluman

Disediakan oleh

  
 (ASRUL AZANI BIN MAHMOOD)

Peg. Keselamatan & Kesihatan / Setiausaha  
 Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
 Universiti Malaysia Terengganu

Disahkan oleh :

  
 (PROF. DR ANUAR BIN HASSAN)

Pengerusi |  
 Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
 Universiti Malaysia Terengganu

## Lampiran Kehadiran

### Kehadiran

#### Hadir:

Profesor Dr. Anuar bin Hassan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	-	Pengerusi
Encik Asrul Azani bin Mahmood Setiausaha dan Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO)  Pengarah - Pengerusi JKPP PTJ Institut Penyelidikan Kenyir  Pengarah - Pengerusi JKPP PTJ Pusat Kesihatan Universiti  En. Zainudin bin Mamat – Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA)  En. Aisamuddin bin A. Jalil - Pegawai Keselamatan Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar  En. Mohd Kamri bin Mamat – Urusetia JK Induk KKP UMT Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan  Haji Awang Koding bin Che Tom Pengetua, Kolej Siswa  Nor Ziana binti Husin - Urusetia JK Induk KKP UMT Makmal Berpusat		
<b><u>Tidak Hadir (Dengan Kenyataan):</u></b>		
Bendahari - Pengerusi JKPP PTJ Pejabat Bendahari  Pengarah – Pengerusi JKPP PTJ Pusat Pembangunan dan Harta  Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan) – Pengerusi JKPP PTJ Pusat Pengajian Sains Asas  Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan) – Pengerusi JKPP PTJ Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan  Dekan – Pengerusi JKPP PTJ Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran		

Dekan – Pengerusi JKPP PTJ  
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan) – Pengerusi JKPP PTJ  
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Dekan – Pengerusi JKPP PTJ  
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Prof. Madya Dr. Mohd Zulkifli bin Mokhtar – Pengerusi JKPP PTJ  
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

Dekan – Pengerusi JKPP PTJ  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Timbalan Dekan – Pengerusi JKPP PTJ  
Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Pengarah - Pengerusi JKPP PTJ  
Institut Oseanografi dan Sekitaran

Pengarah - Pengerusi JKPP PTJ  
Institut Akuakultur Tropika

Pengarah - Pengerusi JKPP PTJ  
Institut Bioteknologi Marin

Pengarah - Pengerusi JKPP PTJ  
Pusat Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah

Pengarah - Pengerusi JKPP PTJ  
Makmal Berpusat

Pengarah - Pengerusi JKPP PTJ  
Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat

En. Abdullah Syukri bin M. Saleh – Ketua Pentadbiran Canselori  
Pejabat Naib Canselor

Profesor Madya Dr. Marzuki bin Haji Ismail - Presiden Persatuan Kakitangan Akademik (PASAK)  
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

En. Wan Mohd Wazir bin Wan Abdul Wahab - Presiden Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas  
(PERENTAS)  
Pusat Komunikasi Korporat

En. Mohd Sharol bin Ali - Presiden Persatuan Juruteknologi Makmal UMT (AULTEK)  
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

En. Yaakub bin Rasip - Presiden Kesatuan Kakitangan Am (KUAT)  
Unit Hatcheri, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Pn. Nor Faizah binti Adam - Pegawai Perlindungan Sinaran (PRO)  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

**Turut Hadir:**

Puan Ainul Afizan binti Elmin,  
Penolong Pendaftar, Pejabat Pendaftar

Puan Zahara binti Kedri  
Timbalan Bendahari, Pejabat Pendahari

Encik Masri bin Muda  
Penolong Pengarah Kanan (Awam), Pusat Pembangunan dan Harta

Encik Yusri bin Mirang  
Pegawai Sains Kanan, Pusat Pengajian Sains Asas

Encik Mohd Azmi bin Mat Junoh  
Penolong Pendaftar, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

Encik Sainol Aimi bin Saidin  
Pegawai Sains, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Puan Suzana binti Sukri  
Pegawai Sains, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Puan Fadlina binti Yusof  
Pegawai Sains Kanan, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Encik Ahmad Khairul Fitri bin Zahari  
Penolong Pendaftar, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Dr. Hailan Salamun  
Ketua Jabatan Kenegaraan dan Peradaban, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Puan Shahrul Suhaila binti Ismail  
Pegawai Sains Kanan, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Encik Rohisyamuddin bin Othman  
Pegawai Perikanan, Institut Akuakultur Tropika

Cik Nor Atikah binti Mohamed Zin  
Pegawai Sains Kanan, Institut Bioteknologi Marin

Puan Wan Azura binti Wan Mamat  
Penolong Pegawai Tadbir, Pusat Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah

Encik Asmadi bin Ali  
Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat

Cik Nor 'Atiyyah binti Mohamed  
Pegawai Sains, Makmal Berpusat

Encik Abdul Rahim bin Hj. Uzip@Othman  
Penolong Pegawai Tadbir, Pejabat Naib Canselor/ Setiausaha Kesatuan Kakitangan Am  
(KUAT)



**Kekerapan Kehadiran Mesyuarat  
Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Universiti Malaysia Terengganu**

<b>Bil</b>	<b>Wakil JKPP PTj / Persatuan</b>	<b>Kekerapan</b>
1	Pejabat Pendaftar	2/2
2	Pejabat Bendahari	2/2
3	Pusat Pembangunan dan Harta	2/2
4	Pusat Pengajian Sains Asas	2/2
5	Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan	2/2
6	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran	2/2
7	Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	2/2
8	Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan	2/2
9	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi	2/2
10	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim	0/2
11	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	2/2
12	Pusat Pendidikan Asas dan Liberal	1/2
13	Institut Oseanografi dan Sekitaran	2/2
14	Institut Akuakultur Tropika	1/2
15	Institut Bioteknologi Marin	2/2
16	Institut Penyelidikan Kenyir	2/2
17	Pusat Kesihatan Universiti	2/2
18	Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat	2/2
19	Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah	2/2
20	Makmal Berpusat	2/2
21	Kolej Siswa	1/2
22	Canselori	2/2
23	Persatuan Kakitangan Akademik (PASAK)	0/2
24	Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas (PERENTAS)	0/2
25	Persatuan Juruteknologi Makmal UMT (AULTEK)	0/2
26	Kesatuan Kakitangan Am (KUAT)	1/2



## LAPORAN KEMALANGAN DAN SIASATAN DALAMAN BAGI KEMALANGAN YANG MENYEBABKAN KECEDERAAN FIZIKAL

BIL	NAMA PELAPOR	TARIKH KEADAN	PPI	NAMA MANGSA	KETERANGAN/IRINGKAL		LAPORAN SIASATAN DALAMAN	
					Punca Kemalangan	Tindakan Pembetulan Temadap Kejadian	Tindakan Pencegahan	
1	Anita Binti Mamat	12/01/2016	IMB	Norazwin bt Hajri (Pelajar)	Tercucuk anesthesia pada jari semasa hendak menyuntiknya pada tikus	Pelajar cuai semasa menjalankan rutin eksperimen	Staf pegawai makmal memberi nasihat dan memberi tunjuk ajar kepada pelajar cara-cara yang betul dalam pengendalian rutin eksperimen	Memberi taklimat kepada semua pengguna makmal berkenaan keselamatan makmal dalam taklimat tahunan penggunaan makmal IMB
2	Julius Yong Fu Siong	19/01/2016	IMB	Norazwin bt Hajri (Pelajar)	Terkena gigitan tikus semasa mengendalikan tikus.	Pelajar cuai semasa menjalankan rutin eksperimen	Staf makmal memberi penerangan cara dan glove yang sesuai untuk memegang tikus	Memberi taklimat kepada semua pengguna makmal berkenaan pengendalian tikus dalam taklimat tahunan penggunaan makmal IMB
3	Mohd Fakhruddin b. Mohd Nor	07/03/2016	Kolej Siswa	Neoh Pei Ee (pelajar)	Terkena air panas pada kedua peha	Masih belum dihantar	-	-
4	Muhammad Hafizuddin Razali	02/02/2016	Makmal Kimia Polimer PPSA	Norashirah binti Abd Rahim (pelajar)	Jarum tercucuk jari semasa melakukan eksperimen	Teknik yang salah semasa ingin membuka jarum picagari	Penyelia /pembimbing pelajar perlu memberi tunjuk ajar kepada pelajar cara pengendalian peralatan tajam dengan betul	Mengadakan latihan penggunaan alat tajam kepada pelajar dan mendapatkan bantuan penyelia atau staf makmal untuk mengendalikan alat tajam
5	Rohani Mustapha	29/03/2016	Makmal PPSTM	Muhammad Aniff bin Mohd Rasul	Terkena pisau semasa melakukan amali	Pelajar menggunakan alat makmal tanpa pantauan staf makmal	Memastikan pelajar memaklumkan kepada staf makmal sebelum memulakan tugas mereka	Mengadakan taklimat keselamatan makmal lebih kerap
6	Muhammad Hafizuddin Razali	29/02/2016	PPSA/MB	Nurul Hidayah binti Mohd Azmi (pelajar)	Terkena bahan kimia pada mata kanan semasa mengalihkan isipadu ammonia ke dalam bikar	Pelajar tidak memakai goggle semasa mengendalikan bahan kimia	Pensyarah perlu memberikan penekanan dari aspek keselamatan terutama alat pelindungan diri seperti pemakaian kasut, goggle dan mask sebelum amali bermula	Pensyarah dan staf makmal perlu lebih kerap memantau gerak kerja amali pelajar dan menyemak semula setiap eksperimen yang dijalankan dari sudut prosedur amali serta menggantikan bahan kimia yang berbahaya kepada yang kurang berbahaya
7	Wan Normayuni binti Wan Omar	14/03/2016	PPSA/MB	Syarifah Nurshahirah binti Syed Hussin (pelajar)	Bahan kimia terpercik ke dalam mata	Pelajar tidak memakai goggle semasa mengendalikan bahan kimia	Pensyarah perlu memberikan penekanan dari aspek keselamatan terutama alat pelindungan diri seperti pemakaian kasut, goggle dan mask sebelum amali bermula	Pensyarah dan staf makmal perlu lebih kerap memantau gerak kerja amali pelajar dan menyemak semula setiap eksperimen yang dijalankan dari sudut prosedur amali serta menggantikan bahan kimia yang berbahaya kepada yang kurang berbahaya
8	Mohd Fazlin bin Mat Saaidin	14/04/2016	PPSMS	Nurul Azmiah binti Che Abdul Aziz (pelajar)	Acid terpercik ke dalam mata	Pelajar tidak memakai goggle semasa mengendalikan bahan kimia	Pihak makmal akan memantau pelajar menjalankan amali	Pihak makmal akan memastikan pelajar sentiasa mematuhi kod etika pemakaian dalam makmal dan sentiasa memakai alat perlindungan keselamatan yang sesuai